

04/11/2000

Perubahan perlu memanfaatkan bangsa

UMNO mempunyai lebih daripada 2.7 juta ahli, iaitu parti terbesar di Malaysia. Mengendalikan sebuah parti sebesar ini tentulah tidak mudah dan tidak mustahil ahlinya akan bertambah pada masa depan.

Kali ini Umno akan mengadakan beberapa perubahan - tidak saja untuk melicinkan dan mengemaskinikan pentadbirannya tetapi juga seluruh dasar perjuangannya bagi menghadapi cabaran alaf baru.

Perubahan-perubahan dalam Umno, khususnya dalam perlembagaannya, memang pernah dilakukan pada masa lalu dengan maksud menyesuaikan parti itu dengan perubahan politik, ekonomi dan sosial.

Kali terakhir perubahan itu dilakukan ialah dalam masa gelora politik yang tercetus akibat perpecahan parti pada kelompok Semangat 46 dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perubahan-perubahan ini berkesan menjadikan Umno lebih mantap dan fleksibel menghadapi cabaran pada waktu itu. Tetapi cabaran yang dihadapi oleh Umno kali ini lebih berat akibat prestasinya yang berkurangan dalam pilihan raya umum lalu.

Parti lawan, terutama Pas, telah berjaya memperlemahkan pengaruh Umno, terutama di luar bandar. Kekuatan Pas bertambah hingga menjadikan ia sebagai parti lawan yang terkuat menggugat kedudukan Umno.

Beberapa perubahan telah direncanakan untuk Umno memantapkan organisasinya. Cadangan untuk mengadakan pilihan raya parti hanya selepas setiap pilihan raya umum adalah satu perubahan besar yang nampaknya mencetuskan polemik di kalangan ahli Umno.

Tetapi sebenarnya reformasi dalam Umno bukan perkara baru dalam sejarah parti itu. Perubahan berlaku setiap kali Umno menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan keadaan politik, ekonomi dan sosial.

Satu daripada rahsia pengaruhnya ialah bahawa ia adalah sebuah parti yang tidak sayang kepada konsep perjuangan yang usang dalam erti kata ia berani menghadapi perubahan.

Bahawa Umno ialah sebuah parti yang tidak mempunyai ideologi, iaitu sebuah parti yang menganut satu fahaman tertentu, adalah juga satu kekuatannya.

Ketiadaan ideologi ini tidak bererti bahawa parti itu tidak mempunyai platform atau pendirian politiknya sendiri atau tidak mempunyai gagasannya sendiri dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Sejak sekian lama, kekuatan Umno banyak bergantung kepada 'input' pemikiran golongan cendekiawan di luar parti itu.

Dalam soal bahasa, soal ekonomi dan sebagainya, Umno menerima gagasan yang dirumuskan oleh golongan di luar parti itu, umpamanya Kongres Ekonomi Melayu yang melahirkan penubuhan Mara, Bank Bumiputra dan Wawasan Hak Istimewa Orang Melayu banyak dipengaruhi oleh kongres cendekiawan. Dengan itu, Umno menerima kekuatan pengaruh dari golongan di luar parti itu.

Dengan lain kata, rentak perjuangan Umno banyak dipengaruhi tidak saja oleh ahlinya sendiri tetapi oleh golongan di luar parti itu. Umno hanya berdiri atas dasar nasionalisme yang luas.

Apabila rakyat tidak diikat dengan sesuatu fahaman tertentu, maka ia mampu menampung apa jua wawasan untuk disesuaikan kepada wawasannya sendiri.

Maka perubahan yang dilakukan oleh Umno pada masa ini wajar dilihat dari aspek yang lebih luas.

Ia tidak hanya mengandungi erti memperkukuhkan parti itu dari segi

memperbanyak ahli atau menubuhkan Puteri Umno dan perubahan lain yang berupa perubahan struktur parti itu tetapi ia wajar dilihat dari aspek yang lebih luas, iaitu untuk mengembangkan sayapnya demi kepentingan peranannya yang terulung sebagai juara, kepentingan bangsa tanpa mengira fahaman politik.

Dalam satu kenyataannya di Johor ketika krisis parti Umno dengan Semangat 46 tidak lama dulu, Presiden Umno, Dr Mahathir, dengan tegas memberi jaminan bahawa Umno terbuka kepada semua orang Melayu tanpa mengira perbezaan fahaman atau kedudukan.

Dalam erti kata lain, Umno ialah sebuah parti yang terbuka kepada semua orang Melayu untuk memberikan ia kekuatan sebagai parti tunggal yang berdiri tegak atas cita-cita memperjuangkan hak bangsa.

Saya pernah menulis bahawa Umno boleh juga diumpamakan sebagai sebuah kelab atau sebuah kongres yang terbuka pintunya kepada orang Melayu. Satu ciri menarik Umno ialah ia tidak meletakkan syarat tertentu untuk sesiapa pun menjadi ahlinya.

Anda hanya perlu membayar yuran setahun untuk menjadi ahlinya. Tidak ada tapisan atau saringan yang akan menentukan sama ada anda layak atau tidak menjadi ahli parti.

Tidak ada sistem 'kader' dalam Umno seperti parti lain yang menganut fahaman tertentu. Tidak ada perbezaan jenis dalam Umno, dalam erti kaum wanita diperbezakan layanannya dengan ahli lelaki.

Tidak ada perbezaan kedudukan sosial dalam parti. Dalam erti kata lain, Umno adalah sebuah parti yang fleksibel.

Peluang untuk memajukan diri dalam Umno terbuka luas kepada setiap ahli, tidak kira perbezaan dari segi pendidikan atau taraf dalam masyarakat.

Ramai pemimpin Umno yang memulakan kerjaya mereka dalam parti dari bawah. Oleh kerana itu, perubahan atau reformasi yang sedang dirancang untuk Umno sebenarnya satu fasa yang penting dalam perjuangan parti itu dan memang pula ia dituntut oleh masa yang mencabar pada masa depan.

Reformasi ini menjadi lebih afdal berikutan prestasi Umno yang merosot dalam pilihan raya umum lalu.

Ramai orang menduga bahawa Umno harus mengadakan pembaharuan dan perubahan untuk menghadapi ujian yang getir pada masa depan sekiranya ia ingin mempertahankan peranannya sebagai parti terkemuka di negara ini.

Corak dan bentuk perubahan itu kini sedang dirumuskan. Tetapi walau apa pun perubahan itu, kita percaya ia akan memanfaatkan bangsa dan negara pada masa depan.

(END)